

# 05

## *Integrasi Portal 10'M dalam Pengajaran Karangan bagi Menjalankan Pembelajaran Pembezaan*

**Eddayana Abdullah**

eddayana\_abdullah@moe.edu.sg

**Rohani Ishak**

rohani\_ishak@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Bukit View

### *Abstrak*

Satu cabaran yang sering dihadapi guru ialah memilih pendekatan yang sesuai ketika menjalankan aktiviti perancangan dalam pengajaran karangan supaya dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang inklusif bagi murid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan portal 10'M dalam pengajaran karangan bagi murid pelbagai tahap. Kaedah kajian yang berbentuk pengajaran pembelajaran mengandungi 3 kitaran. Pada kitaran yang terakhir, pengajaran di dalam bilik darjah terbuka telah dijalankan dengan kehadiran 10 guru sebagai pemantau. Kajian ini melibatkan sebuah kelas Darjah 2 yang terdiri daripada 35 orang murid. Namun, tiada kumpulan terkawal yang diadakan. Dapatan kajian amat menggalakkan kerana lebih kurang 85% murid dapat membina lebih daripada 5 potong ayat untuk karangan berdasarkan gambar. Selain itu, murid yang bertahap rendah pula berjaya membina sekurang-kurangnya dua potong ayat. Murid didapati berasa seronok ketika mengarang dan menilai kerja rakan melalui portal 10'M tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa integrasi portal 10'M dalam pengajaran karangan sangat berkesan untuk pembelajaran pembezaan.

Kata Kunci: 10'M, sendiri, penilaian sendiri dan rakan, pembelajaran pembezaan



## PENGENALAN

Perancangan bagi pengajaran karangan secara inklusif merupakan satu cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Seorang murid harus mengasah kemahiran berbahasa yang merentasi tiga kategori bagi mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran iaitu menjadikan murid sebagai seorang pengguna bahasa yang cekap. Salah satu kategori kemahiran berbahasa ialah kemahiran produktif yang merangkumi kemahiran menulis.

Kemahiran menulis memerlukan seorang murid menulis perkataan dan membina ayat serta menjana idea melalui pelbagai jenis penulisan. Fokus penulisan murid bagi peringkat darjah rendah adalah sesuatu yang berkaitan rapat dengan pengalaman peribadi yang telah dilaluinya dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan sebuah penulisan yang berunsurkan imaginatif dan kreatif. Oleh itu, kemahiran menulis merupakan suatu aspek kemahiran yang penting yang perlu dikuasai oleh murid. Justeru, penting bagi guru untuk mengetahui strategi yang pelbagai dan merancang pengajaran yang berkesan. Berdasarkan pandangan tersebut, pengajaran menggunakan portal 10'M yang telah diintegrasikan dengan pembelajaran pembezaan telah diaplikasikan bagi pengajaran karangan secara inklusif.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam abad ke-21 ini, guru tidak lagi hanya boleh bergantung sepenuhnya kepada penerangan secara lisan dan penggunaan papan tulis. Profil murid hari ini amat berbeza jika dibandingkan dengan profil murid masa lampau. Dalam kajian ini, cabaran utama yang dihadapi seorang guru adalah pentingnya memastikan pengajaran karangan itu menarik dan sesuai bagi tahap keupayaan seseorang murid. Murid-murid sekolah rendah mempunyai masalah menggunakan gaya bahasa yang betul semasa menulis karangan. Murid juga kadang kala kurang menggunakan gaya bahasa yang sesuai ketika mengarang. Berdasarkan analisis item bagi kohort murid Darjah 2 2014, 70% (25 orang) murid yang lulus dalam komponen karangan hanya 24% (6 orang) yang mendapat markah cemerlang iaitu Band 1.



Bagi memastikan murid lebih berminat lagi dalam penulisan karangan, Unit Bahasa Melayu telah mengadaptasikan penggunaan Portal 10'M dalam pengajaran karangan. Penggunaan portal 10'M ini merupakan suatu strategi pembelajaran yang berkesan kerana murid lebih bermotivasi untuk mengarang dan lebih bersedia untuk mencuba sesuatu yang baru dalam penulisan karangan mereka. Pendekatan *Collaborative Learning* (CoL) dan *Self-Directed Learning* (SDL) juga membantu guru untuk memastikan suasana pembelajaran yang lebih menarik. Permasalahan murid berupaya rendah juga dapat diatasi dengan adanya fungsi di portal 10'M ini yang membolehkan guru memberikan tugas yang dapat disiapkan oleh kumpulan murid tersebut. Cara ini amat baik sekali kerana murid tersebut akan lebih berkeyakinan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dan kemudian mencuba suatu tugas yang lebih mencabar.

## TUJUAN KAJIAN

Fokus integrasi portal 10'M dalam pengajaran karangan bagi menjalankan pembelajaran pembezaan adalah supaya:

1. murid dapat memperbaiki mutu karangan mereka dan membimbing murid dalam membina kemahiran menulis dengan lebih kreatif dan menarik; dan
2. murid dapat melengkapkan tugas berdasarkan tahap keupayaan mereka.

## KAJIAN LEPAS

Strategi menggunakan teknologi maklumat untuk memperbaiki tahap pembelajaran murid telah banyak diperkatakan serta dibincangkan. Menurut Passey dan Rogers (2004), teknologi maklumat amat penting dalam pengajaran dan ia telah dilihat dapat meningkatkan motivasi murid. Tahap motivasi penting untuk seorang murid itu menghasilkan sesuatu hasil kerja yang baik.

Simmons and Richard (2007) telah menjalankan satu kajian eksperimental yang mana guru-guru telah mendedahkan serba sedikit tentang perihal peribadi mereka menerusi laman sosial 'Facebook'. Hal ini telah membuat murid lebih tertarik dan kadar motivasi mereka meningkat kerana bilik darjah maya yang



telah dihasilkan menyebabkan para guru dan murid lebih rapat. Para guru dalam kajian ini berjaya memotivasikan murid ketika mereka menggunakan laman sosial tersebut. Apabila murid dikehendaki menyiapkan tugas mereka secara *online*, rakan sekelas mereka juga telah banyak memberikan motivasi dan pertolongan dan ini secara tidak langsung menyebabkan hasil kerja yang diberikan lebih bermutu.

Pelbagai kegiatan boleh dijalankan untuk merangsang pemikiran murid menjana idea supaya seseorang murid itu dapat mengarang dengan baik. Dalam kajian ini, portal 10'M adalah satu wadah yang dapat membangkitkan minat murid untuk mengarang kerana portal ini mempunyai elemen-elemen lain yang dapat digunakan oleh murid agar mereka dapat belajar secara berdikari dan bersama-sama rakan. Pengajaran ini juga diselitkan dengan pengajaran pembezaan yang amat penting bagi memaksimumkan potensi seseorang murid itu.

Menurut Baptiste Barbot (2011) pula, penulisan merupakan satu proses yang perlu seringkali diulang dan melibatkan kemahiran kognitif serta metakognitif untuk menghasilkan pencapaian akademik dan vokasional. Mendidik murid dalam penulisan kreatif boleh mendorong mereka untuk menulis berdasarkan imaginasi mereka. Ini akan menjadi sebahagian daripada proses kreativiti.

Berdasarkan kajian yang telah diketengahkan oleh para pengkaji, kajian ini akan mengaplikasikan strategi yang menggunakan teknologi maklumat – portal 10'M, bagi membantu murid dalam penulisan karangan mereka. Perbincangan lanjut mengenai ciri dan strategi ini akan dibincangkan dalam kaedah kajian.

## **KAEDAH KAJIAN**

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 35 orang murid Darjah 2. Kelas tersebut terdiri daripada murid-murid yang mempunyai kemahiran yang berbeza; 16 orang murid berkeupayaan tinggi, 11 orang murid berkeupayaan sederhana dan 8 orang murid berkeupayaan rendah. Pengajaran yang dipilih ialah karangan. Murid harus membina ayat-ayat berdasarkan gambar yang diberikan.



### Instrumen Kajian

Lewis (2002) telah mencadangkan satu pendekatan yang dinamakan Kajian Pengajaran untuk meningkatkan pengajaran guru. Pendekatan ini memberikan peluang untuk kumpulan pemerhati berkongsi cadangan agar pengajaran tersebut dapat ditingkatkan dan digunakan lagi pada masa hadapan. Guru-guru dalam kumpulan kajian akan merancang pengajaran tersebut secara kolaboratif. Salah seorang daripada ahli kumpulan tersebut akan mengajar sementara ahli kumpulan yang lain akan memerhatikan pengajaran tersebut sambil mengumpul data mengenai pembelajaran dan pembangunan pelajar. Data yang dikumpul akan dibincangkan supaya dapat berkongsi cadangan agar pengajaran tersebut dapat diperbaiki.

Pada masa yang sama, kajian ini mengintegrasikan portal 10'M dalam pengajaran. Menurut Cazden (2001), kemahiran murid dalam ICT boleh menambah kesediaan guru untuk menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Suryani Atan (2013) menambah bahawa ciri-ciri teknologi membenarkan pengajaran tersebut dapat dilihat oleh ramai dengan mudah melalui skrin berbanding dengan kerja-kerja murid yang dilakukan di kertas atau buku latihan. Portal 10'M ini mempunyai beberapa keupayaan seperti alat penyunting, rubrik penilaian sendiri, rubrik penilaian rakan dan ruang komentar. Hasil karangan murid dikumpul sebagai data bagi analisis kajian ini.

### Prosedur Kajian

Lewis dan Hurd (2011) berpendapat bahawa kajian pengajaran merupakan idea yang mudah tetapi prosesnya kompleks. Kaedah ini memerlukan kumpulan penyelidik untuk menjalankan pengajaran beberapa kali bagi melihat hasil yang positif. Kajian pengajaran ini telah dijalankan sebanyak tiga kitaran. Setiap kitaran berlangsung selama 75 minit. Sebelum itu, kumpulan penyelidik telah melaksanakan praujian untuk murid-murid supaya mereka dapat menentukan masalah kajian tersebut. Untuk setiap kitaran, langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan pengajaran tersebut adalah seperti berikut:



- Langkah 1  
Menentukan matlamat dengan berpandukan kurikulum. Guru akan memilih gambar karangan yang sesuai untuk pengajaran tersebut.
- Langkah 2  
Ahli kumpulan akan merancang pengajaran yang hendak dikaji.
- Langkah 3  
Seorang ahli kumpulan akan menjalankan pengajaran sementara ahli kumpulan lain melakukan pemerhatian.
- Langkah 4  
Kumpulan penyelidik akan berkongsi cadangan mereka dan guru yang mengajar akan menyelitkan cadangan-cadangan tersebut ke dalam rancangan pengajaran yang seterusnya.

Pada kitaran yang terakhir, kaedah bilik darjah terbuka telah dijalankan. 10 guru telah dijemput sebagai pemerhati. Dapatan daripada kumpulan pemerhati ini akan menguatkan lagi hasil kajian tersebut.

Pengajaran berintegrasikan portal 10'M ini dilakukan dalam struktur 2-1-1 di mana 50% daripada masa pengajaran guru, 25% daripada masa latihan murid dan 25% daripada masa penghasilan tugas murid (Suryani Atan, 2013).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam komponen karangan untuk ujian dan peperiksaan, murid-murid Darjah 2 harus membina 5 potong ayat berdasarkan gambar yang diberikan untuk dijadikan sebuah cerita. Namun, melalui portal 10'M, murid-murid telah diberikan arahan yang berbeza:



Jadual1: Arahan berbeza bagi murid

Murid Berkeupayaan	Arahan
Tinggi (16 murid)	Tiada had jumlah ayat yang ditetapkan. Mereka dibenarkan untuk membina dan menaip seberapa banyak ayat yang mereka mampu.
Sederhana (11 murid)	Hanya perlu membina dan menaip 5 ayat.
Rendah (8 murid)	Hanya perlu menyusun perkataan dan menaip perkataan-perkataan itu hingga menjadi 5 potong ayat mudah.

Dapatan daripada hasil kerja karangan murid-murid untuk tiga kitaran kajian pengajaran telah menunjukkan murid-murid yang berkeupayaan tinggi dan rendah dapat memenuhi jumlah ayat yang ditetapkan. Walaupun ayat-ayat mereka mempunyai kesilapan bahasa, tanda baca dan ejaan, mereka mampu memikirkan ayat-ayat yang sesuai berdasarkan gambar yang diberikan. Selain itu, dengan penggunaan portal 10'M, murid telah menunjukkan minat yang mendalam ketika menyunting dari aspek ejaan dan tanda baca dan memberi komen mengenai karangan rakan dan juga menilai karangan mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa murid telah tertarik dengan teknologi ini sehingga dapat menunjukkan hasil kerja yang positif.

Untuk murid yang berkeupayaan rendah pula, mereka dapat menyusun perkataan namun tidak semua yang dapat menyelesaikan kesemua lima ayat seperti yang diarah. Hal ini berlaku kerana murid mengambil masa yang agak lama untuk membaca dan memahami perkataan-perkataan tersebut serta menaip. Untuk membantu kumpulan murid ini, guru telah menggunakan semula perkataan dan ayat-ayat mudah yang telah diketengahkan ketika proses perancangan atau *scaffolding* pada awal pengajaran. Selain itu, kumpulan ini juga dapat memberikan komen pendek kepada rakan mereka seperti 'Baik', 'Syabas' dan 'Cuba Lagi' yang telah biasa digunakan oleh guru untuk latihan-latihan yang lalu.



Melalui penggunaan portal 10'M ini, bahagian SDL dan CoL telah dilaksanakan dalam satu masa. Untuk bahagian SDL, murid melaksanakan tugas mereka sendiri dengan menggunakan bahan-bahan sokongan yang dimuatnaikkan di portal tersebut. Mereka boleh merujuk kepada bahan-bahan tersebut secara berdikari untuk melihat kosa kata yang telah dibincangkan ketika awal pengajaran dan juga gambar karangan itu sendiri. Untuk bahagian CoL pula, murid telah diberikan peluang untuk berkongsi dengan rakan sebahu ketika menceritakan pengalaman topik yang berkaitan dengan gambar karangan dan menyorakan kosa kata ketika perancahan pengajaran. Murid-murid kerap menolong antara satu sama lain ketika mereka berhadapan dengan sebarang masalah dari segi teknikal semasa mengakses portal tersebut.

Maklum balas yang diberikan oleh kumpulan pemerhati menunjukkan bahawa secara keseluruhan, murid-murid teruja sepanjang masa pembelajaran. Mereka telah melibatkan diri dalam semua bahagian pembelajaran tersebut secara aktif bukan sahaja ketika menggunakan komputer dan portal 10'M. Penggunaan permainan teka-teki pada bahagian induksi dan perancahan untuk membantu murid-murid memahami kosa kata dan gambar yang digunakan bagi penulisan karangan dengan lebih mendalam terutama sekali untuk murid-murid yang berkemahiran rendah. Dengan bantuan dan sokongan yang diberikan guru ketika proses perancahan, murid-murid lebih yakin untuk menyelesaikan tugas mereka.

Perbandingan markah murid-murid dalam komponen karangan adalah seperti berikut:

Jadual 2: Praujian dan Pascaujian Murid

Ujian	Jumlah Murid		
	Lulus	Gagal	Cemerlang (8-10 markah)
Praujian	26	10	6
Pascaujian	25	9	20
SA2 2014	30	5	25





Data di atas menunjukkan peningkatan dalam jumlah murid yang lulus dan mendapat markah cemerlang dalam karangan. Walaupun tiada peningkatan yang besar untuk jumlah murid yang lulus di peringkat pascaujian, jumlah murid yang meraih markah yang cemerlang meningkat sebanyak 53%. Untuk peperiksaan akhir tahun, jumlah ini terus meningkat kerana guru terus menggunakan portal 10'M secara tekal.

Murid-murid yang gagal dalam karangan untuk pra dan pascaujian datang dari kumpulan yang berkeupayaan sederhana dan rendah. Untuk peperiksaan akhir tahun pula, murid-murid yang gagal hanya datang daripada murid-murid yang berkeupayaan rendah. Tiga orang murid berkemahiran rendah telah berjaya lulus dalam penulisan karangan mereka. Lima orang murid yang gagal itu adalah murid yang mempunyai masalah mengeja dan membaca.

Guru-guru pemerhati juga telah memberikan banyak cadangan untuk menjadikan pengajaran tersebut lebih efektif. Namun, cadangan-cadangan mereka lebih cenderung kepada pengurusan bilik darjah dan pengajaran secara keseluruhan dan tidak berkaitan dengan portal 10'M itu sendiri:

Cadangan yang disarankan:

<b>Kitaran 1</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyediakan pelan tempat duduk murid serta nama-nama murid</li><li>• Menaikmuatkan bahan-bahan sokongan supaya murid dapat mengimbas kembali cara-cara membina ayat dalam portal kerana ada murid yang sudah lupa</li><li>• Setiap kali murid menyarankan kosa kata, berikan mereka peluang untuk membina ayat dengan perkataan tersebut supaya murid yang lain tahu bagaimana untuk menggunakan perkataan itu</li></ul>
<b>Kitaran 2</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyediakan senarai semak untuk murid ketika mereka melaksanakan tugas mereka</li><li>• Masukkan 'timer' ke dalam slaid</li><li>• Mengajar murid cara untuk 'toggle' bahan sokongan</li></ul>



- Menggunakan objek untuk menjadi penanda ketika murid inginkan bantuan guru
- Reka lembaran kerja atau aktiviti lain untuk murid yang dapat menyelesaikan tugas mereka dengan cepat

### **Kitaran 3**

- Menyelitkan video untuk membangkitkan minat murid
- Merancang pelan alternatif untuk murid yang tidak mempunyai pasangan untuk bahagian penilaian kerana ada murid yang tidak hadir pada hari itu

Daripada cadangan dan maklum balas yang diberikan oleh para pemerhati, penggunaan portal 10'M untuk pembelajaran pembezaan amat berguna kerana portal ini telah membuat guru lebih mudah memberikan tugas dan arahan yang berbeza kepada murid-murid berdasarkan tahap kemahiran mereka. Namun, ketika menggunakan portal ini, guru harus merancang pengurusan bilik darjah dengan lebih teliti agar keseronokan murid terkawal dan mereka boleh menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan. Dari aspek teknologi pula, isu-isu teknikal pasti akan timbul.

Guru perlu cepat mencari jalan penyelesaian atau pelan alternatif agar keadaan dalam kelas tidak kecoh dan pengajaran masih dapat dijalankan.

## **KESIMPULAN**

Dapatan daripada kajian pengajaran ini amat menggalakkan. Walaupun proses ini agak rumit dan panjang, objektif kajian telahpun tercapai iaitu integrasi portal 10'M dalam pengajaran karangan dapat dijalankan untuk pembelajaran pembezaan secara efektif.

Pada kitaran kajian pengajaran yang terakhir, peningkatan dalam hasil karangan murid telah dapat dilihat dengan lebih jelas. Untuk peperiksaan akhir tahun pula, murid mendapat markah yang memberangsangkan. Mungkin ini adalah kerana portal 10'M dapat melaksanakan bahagian SDL dan CoL dalam satu masa. Murid diberikan peluang untuk berdikari dan bekerjasama dengan rakan. Dengan pengurusan bilik darjah yang baik dan disertakan dengan



perancangan pembelajaran yang menarik, penggunaan portal 10'M ini menjadi lebih efektif. Namun, guru perlu sabar dan memberi peluang kepada murid untuk berlatih menggunakan portal 10'M ini dengan kerap. Ini bermaksud pada tahap awal, penggunaan portal ini harus dilaksanakan secara berperingkat. Apabila murid sudah mahir menggunakan portal ini, elemen-elemen lain dalam portal ini seperti penggunaan rubrik untuk penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya, memberi komen dan menyunting tugas rakan, dapat ditambah dalam sesuatu pengajaran.

## RUJUKAN

- Cazden C. B. (2001). *Classroom Discourse: The Language of Teaching and Learning*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Curriculum Planning & Development Division Ministry of Education, Singapore. Sukatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015.
- Lewis C. C. (2002). *Lesson Study: A Handbook of Teacher-Led Instructional Change*. Philadelphia: Research for Better School, Inc.
- Lewis C. C & Hurd J. (2011). *Lesson Study Step by Step: How Teacher Learning Communities Improve Instruction*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Mazer J.P., Murphy R.E. & Simonds C.J. (2007). *I'll See You On "Facebook": The Effects of Computer-Mediated Teacher Self-Disclosure on Student Motivation, Affective Learning, and Classroom Climate*. Dipetik pada 24 March, 2015 dari <http://www.gtaan.gatech.edu/meetings/handouts/MazerFacebook.pdf>
- Passey D. & Rogers C. (2004). *The Motivational Effect of ICT on Pupils*. Dipetik pada 24 March, 2015 dari [http://downloads01.smarttech.com/media/research/international\\_research/uk/lancaster\\_report.pdf](http://downloads01.smarttech.com/media/research/international_research/uk/lancaster_report.pdf)
- Suryani Atan (2013). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berteraskan ICT: Laporan Kajian Pengajaran*. MOE Singapore.
- Tin L.K. (2001). *Using ICT as a Subject, Tool for Curriculum and Co-curricular Resource*, Dipetik pada 24 March, 2015 dari <http://eprints.qut.edu.au/3987/1/3987.pdf>

